

WANITA BEKERJAYA DAN PENGURUSAN KELUARGA YANG EFEKTIF

CAREER WOMAN AND EFFECTIVE HOUSEHOLD MANAGEMENT

*ⁱ Bushrah Basiron

ⁱ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

*Corresponding Author: email: bushrah@utm.my

ABSTRAK

Umumnya, ramai wanita di Malaysia menceburkan diri dalam dunia pekerjaan kerana pelbagai tuntutan kehidupan. Desakan hidup seperti kematian suami, perceraian, menanggung ibu bapa dan berpendidikan tinggi merupakan antara faktor penyumbang kepada penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan. Namun, wanita yang berkerjaya menghadapi cabaran tersendiri sebagai wanita yang bekerjaya dan berkeluarga. Kertas kerja ini akan membincangkan konsep wanita bekerja menurut perspektif Islam, faktor yang mendorong wanita bekerja, syarat wanita keluar bekerja, ciri-ciri pekerjaan wanita Islam, cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja dan sistem sokongan yang diperlukan untuk wanita bekerja. Kemahiran pengurusan keluarga yang efektif adalah penting bagi wanita bekerja. Hal ini demikian kerana, untuk memastikan pengurusan rumah tangga sentiasa teratur dan wanita dapat memberi tumpuan kepada pekerjaan tanpa mengalami tekanan sama ada di tempat kerja atau pun di rumah. Dapatkan kertas kerja ini diperolehi daripada dokumen yang dianalisis secara deskriptif. Kertas kerja ini diharapkan dapat menghuraikan permasalahan, cabaran, inisiatif dan penyelesaian yang boleh diambil oleh wanita bekerja agar dapat mencapai kecemerlangan dalam kerjaya tanpa mengabaikan keluarga.

Kata kunci: Wanita bekerja, cabaran, wanita Islam, pengurusan keluarga

ABSTRACT

Generally, many women in Malaysia choose to work because of the various demands of life. Life pressures such as the death of a husband, divorce, supporting parents and having a higher education are among the contributing factors to women's involvement in work. However, career women face their own challenges as both career women and married women. Therefore, this paper will discuss the concept of working women from an Islamic perspective, the factors that encourage women to work, the conditions for women to go out to work, the characteristics of Muslim women's work, the challenges faced by working women and the support system required for working women. In addition, effective family management skills are very helpful for working women. This is to ensure that household

management is always organized and women can focus on work without being dominated by stress either at work or at home. The findings in this paper are obtained from document analyses that were analyzed descriptively. The purpose of this paper is to describe the problems, challenges, and initiatives that working women can take in order to achieve excellence in their careers. This is without neglecting their responsibilities to the family.

Keywords: Working women, challenges, Muslim women, family management

PENDAHULUAN

Wanita dicipta oleh Allah SWT sebagai makhluk yang mempunyai keistimewaan, kepentingan dan peranan tersendiri dalam kehidupan. Dalam hal ini, wanita telah dikurniakan sifat semulajadi yang sesuai dengan fitrahnya seperti lemah lembut, penyayang, bersopansantun dan keibuan. Pada zaman moden ini, peranan wanita semakin meluas dan tidak lagi terbatas dalam lingkungan rumah tangga sahaja, malahan sumbangan dan tenaga mereka sangat diperlukan dalam lapangan kerja untuk manfaat masyarakat dan juga negara. Penilaian mengenai kecemerlangan wanita adalah berbeza. Mungkin ada antara wanita yang menilai istilah kecemerlangan dengan merujuk kepada tahap kejayaan dalam pendidikan dan juga pencapaian terbaik dalam kerjaya dan rumah tangga. Bagi wanita bekerjaya, pelbagai cabaran perlu ditempuhi untuk mencapai kecemerlangan dengan memastikan wujudnya keseimbangan dalam fungsi dan peranan wanita dalam keluarga dan kerjaya. Selain itu, persediaan daripada segi fizikal, spiritual dan emosi juga perlu dibuat demi memastikan wanita cekal dan berjaya menempuh apa jua rintangan yang mendarang dalam kehidupan.

Statistik Wanita Bekerja di Malaysia

Penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan tidak dapat disangkal. Hal ini demikian kerana, wanita turut sama berganding bahu dengan kaum lelaki dalam memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi negara. Perkara ini boleh dibuktikan daripada statistik berikut yang menunjukkan penglibatan wanita dalam dunia pekerjaan pada suku tahun pertama (ST1) 2020:

Indikator Utama	ST1 2019		ST4 2019		ST1 2020	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Tenaga buruh ('000)	9,469.5	6,057.3	9,589.2	6,177.5	9,625.5	6,164.6
Bekerja ('000)	9,149.6	5,860.5	9,290.8	5,963.7	9,294.5	5,949.0
Luar tenaga buruh ('000)	2,241.5	4,822.7	2,233.3	4,832.8	2,280.7	4,882.5
Kadar penyerataan tenaga buruh (%)	80.9	55.7	81.1	56.1	80.8	55.8
Nisbah guna tenaga kepada penduduk (%)	78.1	53.9	78.6	54.2	78.1	53.9

Gambar rajah 1: Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia, Suku Pertama (S1) 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Gambar rajah 2: Tenaga Buruh Mengikut Jantina, Malaysia, Suku Keempat (ST4) 2019 & Suku Pertama (ST1) 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pada suku pertama tahun 2020, tenaga buruh terdiri daripada 61.0 peratus lelaki (9.63 juta) dan 39.0 peratus perempuan (6.16 juta). Bilangan tenaga buruh lelaki meningkat sebanyak 36,303 orang, manakala perempuan pula menurun sebanyak 12,888 orang berbanding suku keempat 2019. Ini jelas menunjukkan bahawa peranan wanita adalah penting dalam dunia pekerjaan, dan mereka menyumbang kepada kemajuan negara (Nur Aqilah Ramizu dan A'dawiyah Ismail, 2021).

Wanita Bekerja Menurut Perspektif Islam

Dalam Islam, wanita turut ditaklifkan untuk melakukan pekerjaan yang baik, sama seperti lelaki (M. Dawam, 2020; al-Qardawi, 1999). Malah, Allah SWT memberikan ganjaran pahala yang besar terhadap kebaikan dan tanggungjawab yang dilakukan oleh kaum wanita dalam urusan ibadah, rumah tangga serta kerjaya mereka (Zeenath, 2002). Begitu juga, Allah SWT memberikan ganjaran yang besar kepada wanita yang bekerja untuk tujuan menyara keluarga yang kurang berkemampuan, yang memberi khidmat kepada masyarakat di samping menyempurnakan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu dalam keluarga masing-masing (Maria dan Haifaa, 2013). Wanita Islam turut melakukan pelbagai pekerjaan di luar rumah, bukan hanya berperanan dalam rumah tangga dan urusan ibadat semata-mata. Firman Allah SWT:

﴿وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسِيرَى اللَّهُ عَنَّكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَرَدُونَ إِلَى عَلِيمٍ الْغَيْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾ [التوبه: 105]

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu lakukan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah lakukan.”

(Al-Taubah: 105)

Dalam ayat di atas, perkataan “Bekerjalah kamu” merujuk kepada suruhan kepada ramai orang – lelaki dan wanita – untuk beramal, bekerja dan berusaha merangkumi amalan zahir dan batin, secara bersama dalam satu kelompok dan tidak terhad kepada ibadat khusus sahaja, tetapi juga meliputi pelbagai pekerjaan seperti bekerja di pejabat, di rumah atau melibatkan diri dalam bidang kemasyarakatan (Al-Razi, 2003; al-Maraghi, 2001). Oleh itu, dapatlah difahami bahawa bekerja merupakan satu ibadah jika dilakukan kerana Allah SWT.

Selain itu, ayat tersebut (Al-Taubah: 105) dan surah Al-Nahl, ayat 97, juga menunjukkan bahawa Islam mengharuskan wanita untuk bekerja di luar rumah dengan syarat pekerjaan tersebut adalah halal dan direndai Allah SWT. Dengan perkataan yang lain, wanita bekerjaya yang diberi ganjaran pahala ialah wanita yang dekat dengan Allah SWT (Abdul Karim Zaidan, 2000, al-Qardawi, 1995). Hal ini demikian kerana dalam Islam, pekerjaan adalah satu ibadah (al-Qardawi, 1999) dan tanda kasih sayang Allah SWT terhadap wanita. Ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara lelaki dan wanita dalam aspek kerjaya. Namun, kerjaya bagi wanita perlulah bersesuaian dengan fitrah dan fizikal seorang wanita dan tidak melanggar batasan syariat.

Selain al-Quran, terdapat dalil daripada hadis-hadis Rasulullah SAW berkaitan pekerjaan bagi wanita. Antaranya, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Tidaklah seseorang itu makan makanan yang lebih baik melainkan yang diperolehi daripada hasil usaha kedua tangannya, sesungguhnya Nabi Allah Daud AS makan dengan hasil usahanya sendiri.” (Riwayat al-Bukhari, 1997: 4: 2072)

Menurut al-Asqalani (1997), hadis ini menyatakan kelebihan berusaha sendiri mencari rezeki berbanding hidup bergantung kepada sikap meminta- minta. Antara bidang kerjaya yang dituntut dalam Islam adalah bidang perniagaan, pertanian dan pengilangan (al-Qardawi,

1999; al-Asqalani, 1997). Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW menjadikan Nabi Daud AS sebagai contoh atau model, kerana walaupun bergelar seorang Nabi, baginda tetap berusaha mencari rezeki dengan hasil usaha dan kudratnya sendiri. Selain itu, Syamsul (1995), menyatakan bahawa rezeki yang paling baik ialah melalui hasil usaha sendiri seperti bercucuk tanam, berniaga dan bertukang.

Walaupun dalam satu hadis disebutkan mengenai hak anak memperoleh makanan dan keperluan harian daripada bapanya, wanita juga boleh membantu untuk menyumbang demi mengukuhkan ekonomi keluarga dengan melakukan pekerjaan yang sesuai. Malahan, peranan dan sumbangsan wanita dalam aspek ini telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Rasulullah SAW bersabda daripada Asma' binti Abu Bakar yang bermaksud: "Aku mengangkut biji kurma dari kebun Zubair yang diletakkan oleh Rasulullah SAW di atas kepalaku. Aku membawanya sekitar dua pertiga farsakh. Satu hari aku datang lagi membawa benih kurma di atas kepalaku..." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut al-Asqalani (1997), hadis ini menjelaskan peranan Asma' binti Abu Bakar dalam menguruskan keperluan rumah tangga dengan tujuan meringankan beban suami. Hadis ini menjadi dalil keharusan wanita keluar rumah untuk bekerja apabila ada keperluan (Athiyyah Saqr, 2002), dan hukumnya adalah sunat (al-Asqalani, 1997). Ini diperkuuhkan lagi dengan kisah anak-anak perempuan Nabi Shuib AS yang keluar memberi makanan dan minuman kepada ternakan kerana menggantikan ayahanda mereka yang sudah tua dan tidak lagi mampu bekerja (Athiyyah Saqr, 2002). Dalam hal ini, Aisyah RA telah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah membenarkan kamu, wahai wanita, untuk keluar bagi memenuhi keperluan." (Riwayat al-Bukhari, 1997:8: 4795)

Maka, jelaslah bahawa wanita diharuskan untuk keluar bekerja dengan memastikan semua aspek berkaitan pekerjaannya menepati syariat Islam.

Faktor yang Mendorong Wanita Bekerja

Wanita memilih untuk bekerja disebabkan beberapa faktor, antaranya:

1. Faktor ekonomi dan bertujuan membantu suami

Ramai wanita memilih untuk bekerja bagi membantu mempertingkatkan ekonomi keluarga (Anna Peila, 2011), dan menambah pendapatan suami (Nabilah dan Wan Zulkifli, 2010). Ini

merupakan satu realiti masa kini yang perlu dihadapi oleh setiap keluarga kerana bebanan kos hidup yang tinggi, dan pendapatan suami yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan kehidupan. Ini merupakan antara faktor utama wanita bekerja, iaitu untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dalam dunia yang semakin mencabar.

2. Faktor pendidikan

Bagi wanita yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat universiti dan kolej, mereka bekerja kerana ingin memenuhi kelulusan pengajian (Nabilah dan Wan Zulkifli, 2010). Malahan, ada antara mereka yang perlu bekerja untuk membayar kembali pinjaman pembentangan pengajian dahulu.

3. Faktor ibu bapa

Faktor ibu bapa juga tidak boleh diketepikan. Ini kerana, setiap anak yang baik dan solehah pasti ingin berbakti dan berkhidmat kepada kedua ibu bapa. Mereka juga ingin menunaikan tanggungjawab kepada kedua ibu bapa dengan cara yang terbaik. Oleh itu, mempunyai pekerjaan dan pendapatan yang baik, memberi peluang untuk wanita membantu serta membala jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan berkorban harta dan wang ringgit (Nabilah dan Wan Zulkifli, 2010). Maka, tiada cara lain selain bekerja kerana wanita ingin menghulurkan wang ringgit kepada ibu bapa tanpa membebankan suami.

4. Faktor dalaman diri

Sesetengah wanita memilih untuk bekerja kerana memenuhi minat dan impian sendiri, mencari kepuasan, dan menyahut cabaran zaman (Bushrah, 2006; Ahmad Shalaby, 2001). Manakala, sebahagian wanita ingin merebut peluang, menimba pengalaman, meraih pendapatan lumayan dan mendapatkan kemudahan daripada pekerjaan, seperti pencen dan bonus (Naemah, 2015). Selain itu, mereka juga ingin bersaing dengan rakan-rakan sebaya yang menikmati kehidupan yang lebih baik.

Syarat Wanita Keluar Bekerja

Walaupun terdapat keharusan bagi wanita untuk keluar bekerja, wanita perlu mengikuti syarat-syarat yang tertentu untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka terpelihara selama bergelar wanita bekerjaya. Antara syarat-syarat tersebut ialah:

1. Menghiasi diri dengan iman dan takwa

Beriman dan bertakwa kepada Allah SWT merupakan perkara asas yang mesti ada dalam diri setiap individu Muslim. Ketakwaan tidak datang begitu sahaja tetapi memerlukan usaha melengkapkan diri dengan pengetahuan dan bimbingan agama (Nur Aqilah Ramizu dan A'dawiyah Ismail, 2021; Habsah, t.t.; Bushrah, 2006). Dengan memiliki sifat takwa, seorang wanita akan cenderung menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna, mencakupi tanggungjawab terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya, suami, anak-anak, rumah tangga dan kerjaya yang diceburinya. Dengan adanya ketakwaan, setiap wanita bekerja akan menjaga setiap perlakuan dan tindakan terutama ketika berada di luar rumah agar tidak menjelaskan maruah dan kehormatan diri, serta mengganggu keharmonian rumah tangga yang dibina (Bushrah, 2006; Bushrah 2011). Dengan itu, sentiasalah menyucikan diri daripada unsur-unsur yang melalaikan dan berusaha mendekatkan diri kepada Allah dengan mengingati-Nya; ini adalah amalan terpuji yang perlu diamalkan oleh setiap Muslim termasuk wanita sepetimana firman Allah SWT:

﴿قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَرَكَ ١٤ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ١٥﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya berjayaalah orang yang menyucikan diri (dengan beriman). Dan mengingati nama Tuhan mereka lalu bersolat.”

(Al-A'la: 14-15)

Ayat di atas menjelaskan bahawa setiap manusia tidak kira lelaki atau wanita dituntut untuk menjaga keimanan, melazimi solat dan membersihkan diri daripada perkara-perkara keburukan dan keji demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

2. Menjaga aurat dan penampilan diri

Menjaga aurat dan penampilan merupakan satu kewajiban setiap wanita Islam. Menjaga aurat dan penampilan bertujuan melindungi dan memelihara kemuliaan diri setiap wanita. Biasanya, perbincangan mengenai aurat mencakupi hukum menutup aurat, ciri pakaian yang menutup aurat termasuk hukum memakai wangian bagi wanita (Bushrah, 2011; Naemah, 2015). Oleh itu, wanita bekerja mestilah sentiasa memastikan dirinya mematuhi konsep menutup aurat dengan sempurna yang digariskan dalam Islam. Wanita perlu memastikan pemakaian tudung, pakaian dan perhiasan ketika bekerja mematuhi syariat Islam.

3. Menjaga pergaulan

Islam merupakan *al-din* yang lengkap dan sempurna yang menggariskan adab, panduan serta peraturan yang mesti dipatuhi oleh lelaki dan wanita dalam pergaulan sehari-hari untuk menjaga kehormatan dan maruah diri mereka (Bushrah, 2011). Dalam pekerjaan, *ikhtilath* atau pergaulan antara dua gender yang berbeza adalah diharuskan dalam Islam walaupun keharusan itu terikat atas dasar keperluan atau kemaslahatan ummah. Dengan kata lain, keharusan ini tidak boleh disalahgunakan untuk tujuan kejahanatan dan maksiat (Bushrah, 2006). Dalam hal ini, wanita dan lelaki disyaratkan untuk menjaga pandangan seperti yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

﴿وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْصُمْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ عَابِرَاتٍ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءَ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخْوَاتِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكْتَ أَيْمَانَهُنَّ أَوْ أَثْيَرَتِهِنَّ عَيْرٌ أُولَئِكُرَةٌ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الْطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُؤْبِرُوا إِلَى اللَّهِ حِمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan Islam, atau hamba mereka, atau orang gaji daripada orang yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang perhiasan yang mereka sembunyikan; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman semoga kamu berjaya.”

(Al-Nur: 31)

Daripada ayat di atas, dapat difahami bahawa wanita dilarang menjerumuskan diri ke lembah kehinaan dengan melakukan maksiat seperti berdua-duaan dengan lelaki yang bukan mahram. Ini bertujuan untuk memelihara dirinya dan orang lain daripada dosa dan fitnah. Hal ini demikian kerana, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Janganlah seseorang itu

bersunyi-sunyian dengan seorang wanita kecuali dengan mahramnya.” (Muttafaqun ‘alaihi)

Pergaulan antara wanita dan lelaki bukan mahram hendaklah dijaga ketika bekerja supaya tidak disulami dengan kemesraan, perhatian dan kasih sayang yang tidak sepatutnya demi untuk menjauhi fitnah yang akan merosakkan maruah dan kehormatan diri mereka (Bushrah, 2011).

4. Mendapat keizinan suami

Setiap wanita perlu memahami bahawa mentaati dan memberikan hak kepada suami adalah wajib, manakala keluar bekerja adalah sunat (al-Hashimi, 2005; Abu Shuqqah, 2002). Oleh itu, walaupun tujuan wanita untuk bekerja adalah baik – kerana kebanyakannya adalah untuk membantu suami – mereka perlu mendapat kebenaran dan keizinan suami terlebih dahulu (‘Adawiyah Ismail dan Salasiah Hanim, 2012). Ini adalah penting untuk mengelakkan pertikaian dan perselisihan faham yang mungkin timbul di kemudian hari.

5. Dapat menjalankan tanggungjawab kekeluargaan dengan baik

Memilih untuk bekerja bagi membantu suami merupakan satu pengorbanan kaum wanita. Malahan, pengorbanan ini merupakan satu sedekah dan ibadah dalam Islam. Namun, wanita perlu memastikan bahawa tanggungjawab terhadap keluarga dan rumah tangga dapat dilaksanakan dengan baik, tidak terjejas dan terabai apabila mereka keluar bekerja (‘Adawiyah Ismail dan Salasiah Hanim, 2012). Hal ini demikian kerana, dari segi keutamaan atau *awlawiyyat*, tanggungjawab dan perhatian terhadap keluarga adalah yang utama dan penting bagi seseorang wanita. Wanita profesional masa kini perlu memelihara hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga sekalipun mereka bekerja (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Ini penting untuk memastikan pendidikan awal anak-anak dan pembangunan insan yang bermula dari rumah, dapat dijalankan dengan sempurna. Selain itu, wanita berperanan penting menguruskan rumah tangga kerana keluarga merupakan asas utama kepada pembentukan sesebuah masyarakat (Seon Mi Kim, 2012; Rohaiza, 2011).

6. Keperluan mendesak untuk kelangsungan hidup atau menambah pendapatan

Mencari nafkah merupakan tanggungjawab seorang suami, manakala tugas utama wanita adalah tertumpu kepada pengurusan rumah tangga (Al-Hasyimi, 2005; Abu Shuqqah, 2002). Namun, menceburi bidang pekerjaan adalah dibenarkan bagi isteri jika ada keperluan

mendesak, contohnya untuk membantu meringankan beban suami apabila pendapatan suami tidak mencukupi. Isteri keluar bekerja juga boleh berlaku disebabkan desakan hidup dan keperluan kehidupan yang menuntut kos yang tinggi. Begitu juga bagi wanita yang ingin menunaikan tanggungjawab sebagai seorang anak untuk berbakti kepada kedua ibu bapa dengan cara berkorban harta dan wang ringgit serta membantu ahli keluarga – mereka juga akan keluar bekerja.

Ciri-ciri Pekerjaan Wanita Islam

Bagi wanita, mereka perlulah memilih pekerjaan yang mempunyai ciri-ciri bersesuaian untuk wanita Islam. Antaranya:

1. Bersesuaian dengan fitrah

Pemilihan kerjaya yang tepat adalah penting bagi wanita untuk menjamin kelancaran urusan harian hidupnya. Ini kerana, wanita mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga selain kerjaya yang diceburi. Kerjaya yang selari dengan fitrah wanita akan memudahkan perjalanan kerjaya mereka berbanding kerjaya yang mencabar yang kebanyakannya dimonopoli kaum lelaki (Bushrah, 2006). Menurut Yusuf al-Qaradawi, agama Islam bersifat memelihara sifat-sifat kewanitaan yang ada dalam diri seorang wanita dan melarang perkara-perkara yang menghilangkan lambang kewanitaan tersebut seperti menyerupai lelaki dalam berpakaian, tingkah laku dan sebagainya. Di samping itu, wanita juga perlu memastikan bahawa kerjaya yang diceburi mampu memelihara akhlak, perasaan malu dan kemuliaan dirinya (Al-Qardawi, 2000). Mereka perlu mengutamakan kerjaya yang selamat dan tidak mendedahkan diri mereka kepada fitnah, pergaulan yang boleh mencemarkan maruah dan kehormatan diri ('Adawiyah Ismail dan Salasiah Hanim, 2012). Kesimpulannya, wanita perlu berhati-hati memilih pekerjaan yang benar-benar sesuai dan tidak mendatangkan mudarat.

2. Tidak menghalang pelaksanaan syariat Islam

Dalam pemilihan kerjaya, wanita perlu pastikan bahawa pekerjaan yang dipilih tidak menghalangnya daripada melaksanakan syariat Islam dengan sempurna (Bushrah, 2011; Bushrah, 2006). Antara perkara yang perlu dipastikan ialah pekerjaan yang tidak menghalang wanita menunaikan solat, dan menutup aurat. Hal ini demikian kerana, terdapat isu yang timbul apabila majikan, khususnya majikan yang bukan beragama Islam, tidak membenarkan pekerjanya menunaikan solat. Begitu juga dengan kerjaya yang mempunyai *dress code* yang

tidak menepati konsep menutup aurat dalam Islam. Dalam hal ini, wanita Islam mempunyai pilihan dan hak untuk memilih pekerjaan yang tidak melanggar syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT. Ini kerana setiap pilihan dan tindakan akan dipertanggungjawabkan di Akhirat kelak.

3. Pekerjaan yang menghasilkan rezeki yang halal

Pekerjaan yang menghasilkan rezeki yang halal merupakan perkara utama dalam memilih kerjaya. Dalam hal ini, setiap wanita yang bekerja perlu memastikan pekerjaan tersebut tidak melibatkan perkara yang haram seperti adanya unsur maksiat, menjatuhkan maruah dan harga diri wanita (Bushrah, 2006). Contohnya, terdapat banyak pusat hiburan yang menjanjikan pendapatan lumayan untuk wanita tetapi kerja yang perlu dilakukan, menjebakkannya dalam masalah keruntuhan akhlak dan moral seperti pergaulan bebas, perzinaan dan seumpamanya. Allah SWT mengingatkan dalam firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ كُلُّمَا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَبِيعًا وَلَا تَتَّبِعُوا حُطُورَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ وَلَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾ [البقرة: 168]

[168]

Maksudnya: “Wahai manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu.”

(Al-Baqarah: 168)

Jelaslah di sini bahawa kepentingan mencari rezeki yang halal sangat dititikberatkan dalam Islam. Oleh itu, jika wanita memilih pekerjaan yang mendatangkan rezeki yang haram maka, mereka akan tergolong dalam kalangan orang yang amat malang kerana setiap rezeki yang haram tidak akan diberkati dan tidak diredayai oleh Allah SWT, sebaliknya menjanjikan azab seksa.

Cabarani Wanita Bekerjaya

Wanita bekerjaya menghadapi pelbagai cabaran sama ada di rumah atau di tempat kerja (Nur Aqilah Ramizu dan A'dawiyah Ismail, 2021). Antara cabaran tersebut:

1. Masalah di tempat kerja

Ada wanita bertuah kerana mendapat majikan yang baik, pendapatan yang memberangsangkan, rakan sejawat yang memahami dan saling menyokong serta persekitaran

kerja yang positif. Namun, agak sukar untuk mencari kesempurnaan dalam pekerjaan; walau di mana wanita bekerja, sudah pasti ada kelebihan dan kekurangan. Sesetengah wanita diuji dengan pelbagai masalah di tempat kerja, umpamanya, majikan yang tidak bertimbang rasa, suasana kerja yang memberi tekanan, persaingan tidak sihat antara rakan sekerja dan beban kerja yang keterlaluan. Ini termasuk prosedur kenaikan pangkat yang tidak adil dan ketiadaan peluang untuk perkembangan kerjaya (Noor Rahamah, 2012). Inilah antara sebab yang menjadikan wanita dibelenggu tekanan berpanjangan di tempat kerja jika tidak ditangani dengan bijaksana.

2. Pekerjaan yang mencabar

Bukanlah satu perkara yang asing apabila kita disajikan dengan berita dan kes wanita yang menghadapi kemurungan kerana berdepan dengan cabaran dalam kerjaya. Sebagai contoh, wanita yang bekerja di suatu kawasan yang terletak jauh dari tempat tinggalnya, pasti menuntut pengorbanan masa, tenaga dan komitmen yang tinggi. Ini ditambah lagi dengan prosedur perpindahan tempat kerja yang sukar dan mengambil masa yang lama. Oleh itu, tidak hairanlah jika ada wanita yang mengalami tekanan dan keletihan sehingga menjelaskan kesihatan diri. Selain itu, terdapat wanita yang menceburi bidang pekerjaan berat yang biasanya dimonopoli oleh lelaki. Dalam hal ini, wanita Islam sepatutnya menjauhi kerjaya yang dikuasai sepenuhnya oleh lelaki kerana dibimbangi akan mendatangkan kesulitan dan fitnah terhadap wanita ('Adawiyah Ismail dan Salasiah Hanim, 2012). Sudah pastilah pelbagai cabaran ditempuhi kerana wanita berbeza daripada lelaki dari aspek ketahanan fizikal, mental dan emosi.

3. Dilema antara kerjaya dan rumah tangga

Berada dalam dilema merupakan masalah yang sering dihadapi oleh wanita yang bekerja. Hal ini demikian kerana, berlaku pertembungan situasi antara tuntutan tugas di pejabat yang perlu disiapkan segera dengan situasi mendesak dalam keluarga, seperti suami atau anak-anak yang sakit berpanjangan, ibu bapa yang uzur dan sebagainya. Keadaan-keadaan seperti ini menuntut wanita menguruskannya dengan bijak supaya dapat mencari penyelesaian terbaik buat diri, keluarga dan kerjaya.

Dalam hal ini, kebijaksanaan dan kreativiti wanita sangat diperlukan demi mencari titik keseimbangan antara kerjaya dan rumah tangga. Ini kerana konflik mengimbangi antara keluarga dan rumah tangga adalah disebabkan perbezaan penguasaan ilmu berkaitan rumah

tangga, komitmen suami, situasi dalam rumah tangga dan bidang pekerjaan yang diceburi (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Walau bagaimanapun, apabila wanita bekerja, satu aspek yang perlu diutamakan ialah tanggungjawab hakiki terhadap keluarga tidak boleh diabaikan (Adawiyah, 2011; Bushrah, 2006).

4. Tiada masa untuk diri sendiri

Keadaan ini berlaku apabila urusan kerja menuntut wanita menumpukan sepenuh perhatian dan komitmen sehingga ada antara mereka yang membawa pulang kerja-kerja pejabat untuk disiapkan di rumah. Sedangkan apabila pulang ke rumah, pelbagai tanggungjawab lain menanti untuk dilaksanakan. Antaranya, mengurus dan mendidik anak-anak di samping menguruskan kerja-kerja rumah seperti memasak, membasuh pakaian, pinggan-mangkuk dan mengemas rumah. Jika wanita melakukan semua tugasan dan tanggungjawab ini sendirian, sudah pastilah mereka kehilangan masa berkualiti untuk diri sendiri kerana setiap hari yang mereka lalui pasti berakhir dengan keletihan dan tekanan.

Wanita memerlukan masa untuk melakukan apa yang dia suka, mengembalikan tenaga yang hilang dengan berehat dan bercuti, membaca al- Quran, menghadiri majlis-majlis ilmu, bertemu rakan-rakan dan sebagainya. Dalam hal ini, penjagaan amalan kerohanian adalah penting untuk memberi kekuatan dalaman dan menjauhi tekanan dalam diri (Nur Aqilah Ramizu dan A'dawiyah Ismail, 2021).

Sistem Sokongan untuk Wanita Bekerjaya

Untuk berjaya dalam kerjaya dan rumah tangga, setiap wanita memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak. Antaranya ialah sokongan suami, anak-anak, majikan dan rakan sekerja.

1. Suami yang memahami dan menyokong

Lazimnya wanita berkahwin mempunyai lebih banyak tanggungjawab terhadap keluarga berbanding wanita yang belum berkahwin (Noor Rahamah, 2012). Oleh kerana tujuan sesetengah wanita bekerja adalah untuk membantu suaminya menambah pendapatan keluarga, maka suami perlulah memberi sokongan kepada isterinya dalam pelbagai aspek. Antaranya memberi semangat apabila isteri menghadapi masalah dan tekanan kerja, sentiasa ringan tulang untuk membantu isteri menguruskan kerja-kerja rumah tangga. Dengan kata

lain, mereka melakukan tugas tersebut bersama-sama dengan penuh rasa tanggungjawab dan belas kasihan.

Sikap peduli, mengambil berat, prihatin dan saling memahami ini akan mengeratkan lagi hubungan dan menyemarakkan cinta dan kasih sayang antara suami dan isteri. Setiap suami perlu mencontohi akhlak Rasulullah SAW yang selalu membantu isteri dalam urusan rumah tangga walaupun Baginda merupakan seorang pemimpin besar bagi seluruh umat dan negara.

2. Anak-anak yang mampu menjadi penyejuk hati

Anak-anak merupakan antara sumber kekuatan seorang wanita yang bergelar ibu. Oleh itu, anak-anak perlu menjiwai sikap dan tingkah laku anak-anak soleh dan solehah yang menjadi penyejuk hati ayah dan ibu mereka (Bushrah, 2011). Bagi seorang ibu yang bekerja, sokongan moral dan fizikal daripada anak-anak sangat perlu, terutamanya dalam keadaan ibu yang dikelilingi kesibukan dan cabaran. Dalam hal ini, anak-anak boleh membantu ibu dengan kerja-kerja ringan di rumah seperti membantu memasak, mencuci baju dan mengemas rumah, dan mengelak daripada tingkah laku yang menyusahkan ibu bapa. Sokongan daripada ahli keluarga yang memahami menyebabkan seorang ibu yang bekerja tidak berasa keseorangan dan kesuntukan masa untuk menguruskan semua kerja setiap hari dan tidak tertekan kerana memiliki anak-anak yang begitu memahami.

3. Majikan yang bertimbang rasa dan bertanggungjawab

Mempunyai majikan yang baik, bertimbang rasa dan bertanggungjawab adalah satu rezeki. Dalam mana-mana pekerjaan, wanita akan dapat mengembangkan kerjaya ke peringkat yang lebih baik jika mempunyai majikan yang positif dalam membimbing dan memberi peluang kepada wanita untuk menyerlahkan bakat, kelebihan dan kreativiti mereka dengan mempertingkatkan pelbagai latihan dan kursus dalam organisasi (Noor Rahamah, 2012).

Selain itu, apabila berdepan dengan masalah di tempat kerja atau masalah peribadi, sokongan moral daripada majikan akan membantu wanita untuk cekal dan tabah menghadapinya. Majikan yang memahami akan bertolak ansur dan bijak dalam pembahagian kerja kepada setiap pekerja. Dengan itu, wanita dapat mengelak dari amalan yang menjadi kebiasaan bagi sesetengah pekerja wanita yang membawa balik tugas pejabat untuk diselesaikan di rumah sedangkan urusan di rumah sudah terlalu banyak untuk diberi

perhatian. Keadaan seperti ini boleh menyebabkan wanita yang bekerja mengalami tekanan yang keterlaluan akibat keletihan melampau; jika berterusan keadaan ini boleh membawa kepada masalah kemurungan, serta menjelaskan kesihatan mental dan fizikal mereka.

4. Rakan sekerja yang positif

Selain majikan, wanita bekerja juga memerlukan rakan-rakan sekerja yang positif, saling memberi inspirasi dan tidak menjatuhkan. Mereka perlu menjiwai sifat-sifat terpuji seperti sabar, bantu-membantu, baik sangka, rajin, dan menjauhi sifat-sifat keji seperti iri hati, dengki, tamak, pemarah; mereka perlu berusaha mewujudkan budaya kerja yang positif dan berkualiti. Bekerja secara kolektif dan bersaing secara sihat sesama rakan sekerja, mampu mempertingkatkan mutu dan prestasi kerja masing-masing (Bushrah, 2006).

Pengurusan Keluarga yang Efektif

Wanita yang bekerja tidak dapat lari dari tugas hakikinya terhadap keluarga dan rumah tangga. Setinggi mana pun pencapaian wanita dalam kerjaya, mereka tidak dianggap berjaya dalam erti kata sebenar jika gagal dalam menjalankan tugas kekeluargaan sebagai isteri dan ibu. Bagi memastikan terdapat keseimbangan antara kerjaya dan rumah tangga, wanita perlu mengamalkan teknik pengurusan keluarga yang efektif. Dalam hal ini, wanita yang bekerja boleh melakukan langkah-langkah berikut:

1. Mempraktik aktiviti ibadah secara berjemaah

Amalan kerohanian yang mantap adalah penting bagi wanita (Nur Aqilah Ramizu dan A'dawiyah Ismail, 2021). Wanita yang bekerja, dengan sokongan suami, perlu memastikan ahli keluarganya dapat melaksanakan solat berjemaah pada waktu-waktu tertentu seperti maghrib, isyak dan subuh. Amalan solat berjemaah penting untuk kesejahteraan keluarga (Mohamad Muhammin, 2019). Begitu juga tadarus al-Quran, lakukan lebih kerap bersama-sama suami dan anak-anak, bukan hanya pada bulan Ramadan sahaja seperti kebiasaannya. Di samping itu, adalah sangat baik jika ibu bapa dapat menyelitkan nasihat dengan konsep ‘tazkirah spontan dan santai’ apabila bersama-sama dengan anak-anak sama ada di rumah, dalam kereta atau ketika bercuti. Amalan seperti ini akan menyebabkan anak-anak menjiwai nilai-nilai Islam dan akhlak *mahmudah* untuk diperlakukan dalam kehidupan mereka.

2. Pengurusan rumah tangga secara bersama dan kolektif

Wanita tidak perlu membuktikan dan meyakinkan orang lain bahawa dia mampu melakukan segalanya seorang diri. Ini kerana, hikmah dijadikan lelaki dan wanita, suami dan isteri itu adalah sebagai penolong antara satu sama lain. Ini bermakna mereka saling melengkapkan dan memerlukan antara satu sama lain dalam menguruskan rumah tangga. Tambahan pula, tenaga wanita ada hadnya, mereka memerlukan rehat yang cukup untuk kekal sihat. Dalam hal ini, wanita bekerja biasanya kesuntukan masa dan mempunyai strategi tertentu untuk mengatasinya seperti mencari pembantu rumah, mengupah orang untuk membantu atau dengan bantuan suami (Siti Halimah Putung dan Dg Hafizah Ag Basi, 2017).

Bagi wanita yang tiada pembantu rumah, mereka perlu berbincang dengan suami mengenai bebanan kerja rumah dan membuat pengagihan tugas dengan suami dan anak-anak supaya urusan rumah tangga berjalan dengan lancar. Sebagai contoh, bila isteri sibuk memasak, suami boleh membantu mengemas rumah atau menyidai pakaian, atau kerja-kerja rumah yang lain. Pada zaman moden ini, suami melakukan kerja-kerja rumah bukan lagi menjadi kejanggalan dan perkara asing dalam masyarakat, apatah lagi suami dan isteri sama-sama bekerja untuk menyara kehidupan keluarga.

3. Kaedah memasak dan penyediaan bahan masakan yang menjimatkan masa

Pada masa kini, dengan perkembangan teknologi, ramai pihak yang berkongsi tips terutamanya di media sosial berkaitan cara penyediaan makanan yang cepat tetapi sihat dan menjimatkan masa, khusus untuk wanita bekerja. Ini merupakan suatu perkara yang bermanfaat, kerana penyediaan makanan selalunya mengambil masa yang lama. Oleh itu, wanita boleh mencuba tips yang diberikan, contohnya, kaedah penyimpanan ikan, daging, ayam yang siap dibersihkan untuk kegunaan seminggu, penyediaan perencah masakan dan bahan-bahan memasak yang disediakan lebih awal untuk digunakan kemudian, juga penyediakan pes masakan yang ternyata menjimatkan masa ketika di dapur.

Selain itu, penggunaan peralatan memasak moden juga membantu menjimatkan waktu memasak. Jelasnya, wanita boleh menjimatkan masa dengan menguasai kemahiran ‘mise en place’. ‘Mise en place’ ialah istilah Perancis yang membawa maksud meletakkan semua keperluan di satu tempat. Dengan kata lain, semua bahan disediakan sebaik mungkin sebelum proses memasak dimulakan (Intan Mas Ayu Shahimi, 2017).

4. Menyediakan masa berkualiti untuk keluarga

Wanita bekerja perlu menyediakan masa untuk keluarga. Sesibuk mana pun wanita, keluarga sama sekali tidak boleh diabaikan. Inilah erti kebahagiaan yang sebenar-benarnya. Hal ini demikian kerana tanpa keluarga di sisi, sejauh mana pun pencapaian seorang wanita, tetap akan ada ruang kosong yang tidak terisi dalam hatinya. Oleh itu, wanita perlu menyediakan masa berkualiti untuk bersama keluarga dan berehat dari kesibukan, bergembira bersama suami dan anak-anak juga ibu bapa. Antara aktiviti yang boleh dilakukan ialah makan bersama, beriadah dan bermain serta bercuti (Hajah farhana Tarmudi, 2015). Gaya hidup yang ceria dan sihat turut mempengaruhi prestasi dan kualiti kerja wanita di pejabat untuk lebih menyerlah dan cemerlang.

5. Tidak melihat kerja dan keluarga sebagai bebanan

Untuk memiliki hati yang tenang dan bahagia, wanita bekerja perlu memastikan mereka tidak melihat pekerjaan dan juga keluarga sebagai bebanan dalam kehidupan. Dalam hal ini, wanita perlu mengingatkan diri bahawa pekerjaan mereka di luar rumah adalah satu ibadah jika diniatkan kerana Allah SWT (Nur Aqilah Ramizu dan A'dawiyah Ismail, 2021; Bushrah, 2006). Begitu juga dengan tugas-tugas rumah tangga, segala tugas yang dilakukan perlu diniatkan kerana Allah supaya berada dalam ruang lingkup ibadah kerana Allah SWT. Oleh itu, jika dilakukan semua tanggungjawab terhadap pekerjaan dan keluarga dengan ikhlas dan tanpa rungutan, wanita akan mendapat ganjaran pahala yang besar dan berpanjangan setiap hari.

6. Menguruskan stres dengan bijak

Stres atau tekanan merupakan perkara yang tidak asing dalam kehidupan wanita kerana mereka juga adalah manusia biasa. Tiada insan yang terlepas daripada tekanan sama ada berat atau ringan. Oleh itu, wanita bekerja perlu bijak menguruskan pelbagai tekanan yang dihadapi dalam kehidupan. Sebagai pekerja, pastilah mereka menghadapi cabaran-cabaran di tempat kerja yang boleh mencetuskan stres. Begitu juga dengan tanggungjawab rumah tangga, apatah lagi bila berada dalam keadaan terlalu sibuk atau sakit, maka, sudah pastilah rasa tertekan menjengah diri.

Wanita tidak boleh mlarikan diri apabila berdepan dengan stres, sebaliknya perlu bertengang dan menguruskannya dengan bijak, iaitu dengan menyelesaiannya satu per satu. Kebijaksanaan menguruskan stres dapat mengelakkan masalah yang lebih buruk termasuk kemurungan yang menjaskan kesihatan mental (Jami'ah Sokri, 2019). Selain itu, cara

paling efektif untuk meleraikan tekanan ialah mengadu kepada Allah SWT dengan mendekatkan diri kepada-Nya. Wanita perlu menangani stres dengan sebaik- baiknya supaya ia tidak berterusan dan menyebabkan masalah kemurungan yang akan menjelaskan kesihatan mental dan fizikal, pekerjaan, kekeluargaan dan seluruh aspek kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Secara umumnya, menurut perspektif Islam, wanita diharuskan untuk bekerja. Ini ditambah pula dengan pelbagai faktor yang mendorong wanita untuk bekerja. Namun begitu, wanita bekerja perlulah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Islam untuk menjamin kesejahteraan mereka dalam berkerjaya dan rumah tangga. Tidak dinafikan bahawa wanita bekerjaya menghadapi pelbagai cabaran dan memerlukan satu sistem sokongan yang holistik daripada pelbagai pihak, terutama suami dan keluarga untuk mencapai kecemerlangan dalam kerjaya tanpa mengabaikan keluarga. Seterusnya, wanita perlu menguasai kaedah pengurusan keluarga yang efektif, di samping mewujudkan keseimbangan antara kerjaya dan rumah tangga untuk memastikan urusan keluarga sentiasa lancar.

RUJUKAN

- Abd. Razak Zakaria dan Noraini Mohd. Salleh. 2011. Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1)35–44.
- Abdul Karim Zaidan. 2000. *Al-mufassal fi ahkam al-mar'ati wa al-baiti al-muslim*. Beirut: Al-Risalah Publishers.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1991. *Menyambut kelahiran sikap islam dan peranan ibu bapa*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1998. *Pendidikan anak-anak dalam islam*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD. Jld 1.
- Abu Syuqqah, Abdul Halim Muahmmad. 2002. *Tahriru al-mar'ah fi 'usri al-risalah*. Kuwait: Dar al-Kalam.
- Abu Syuqqah, Abdul Halim Muahmmad. 2009. *Kebebasan Wanita*. Terj. Farida Sulaiman dan Walid Lithfullah. Selangor: Pustaka Dini.
- Ahmad Shalaby. 2001. *Kehidupan sosial dalam pemikiran islam*. Singapura:Pustaka Nasional.
- Al-Asqalani, Muhammad Ali Hajar, Imam al-Hafiz. 1997. *Fathu al-bari syarahu sahih al-bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Abi Abdillah Muhammad Ismail. 1997. *Sahih al-bukhari*. Terj. Mahmood Matraji. Pakistan: Darul Isha'at.
- Al-Butiy, Muhammad Sa'ied Ramadan. 1996. *Al-mar'ah baina thu'yan an-nizham al-gharbiy wa lathoifi at-tasyri' al-rabbani*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 2001. *Ihya' ulum al-din siri 5*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Al-Hashimi, Muhammad Ali. 2005. *The ideal muslimah, syakhsiyah al-mar'ah al-muslimah*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House (IIPH).
- Al-Jaziri, Abdul Rahman. tt. *Kitab al-fiqh 'ala al-mazahibi al-arba'ah*. Jld. 5. Syari' Najib al-Raihani: Dar al-Irsyad li al-Tiba'ah wa al- Nasyri.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & Ali Asy Syarbaji. 2008. *Kitab fekah mazhab syafie*. Terj. Ridzuan Hashim & Juanda Jaya et al. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 2001. *Tafsir al-maghari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2001. *Tafsir al-maghari*. Beirut: Dar al-Fikri. Al-Qardawi, Yusof. 1993. *Mulamihu al-mujtama' al-muslim allazi nansyuduhu*. Kaherah:Maktabah Wahbah.
- _____. 1995. *Fatwa masa kini*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- _____. 1997. *Fathu al-bari syarah sahih al-bukhari*. Jld.12. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- _____. 1997. *Fathu al-bari syarah sahih al-bukhari*. Jld. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- _____. 1999. *Malamih al-mujtama' al-muslim allazi nanshuduhu*. Terj. Setiawan Budi Otomo. Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar.
- _____. 2000. *Pembaharuan fiqh abad 21*. Terj. Abu Mazayaa al-Hafz dan Mohamad Farid Zaini.

- Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- _____. 2011. *Status wanita muslim dan yahudi: kajian perbandingan dariaspek keagamaan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.Gall,
- _____. 1995. *Fiqh al-sunnah*. Kaherah: Syarikat Manar al-Daulah al- Fathu li ‘Ilami al-‘Arabi.
- Al-Razi, Al-Imam Fakhrudin Muhammad Umar. 2003. *Tafsir al-kabir aw afatih al-ghaib*. Kaherah: Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Sartowi, Muhammad ‘Ali. 1997. *Syarth al-qanun fi al-ahwali al-syakhsiyah*. Amman: Dar al-Fikr.
- Al-Siba’i, Mustafa. 1999. *Al-mar’ah baina fiqh wa al-qanun*. Riyadh: Maktabah al-Warraq.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2008. *Al-fiqhu al-islami wa adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Anna Piela. 2011. Piety as a concept underpinning muslim women online discussion of marriage and professional career, contemporary islam dynamics of muslim life. *Springer Science* 5 p.249-265.
- Athiyyah Saqar. 2002. *Seen wa jeem li mar’ati al-muslimah, soal jawab wanita islam*. Terj. Rosli Alias & Mohd. Yusof Abdullah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma’alip & Shahrin Hashim. 2009. *Modal insan membentuk keluarga berkesan*. Johor: Penerbit Universiti TeknologiMalaysia.
- Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari. 2009. *Isu-isu fiqh halal & haram semasa. Jlid. 2*. Selangor: al-Hidayah Publication.
- Bushrah Basiron. 2006. *Wanita cemerlang*. Johor: Penerbit UniversitiTeknologi Malaysia.
- Joyce P., Gall, M.D. & Borg, Walter R. 2005. *Applying educational research a practical guide*. Boston: PEARSON.
- Habsah Md. Nor. tt. *Isteri teladan igauan seorang suami*. Ed.4. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu’mam.
- Hajah farhana Tarmudi. 2015. *Luangkan masa bersama keluarga*. Mymetro. www.hmetro.com.my 20 Mac 2015.
- Hamidah Abdul Rahman. 2006. Faktor penyumbang kepada masalah keluarga dan perceraian: kajian kes di Johor. Dalam Abdul Rahim
- Abdul Rashid et al. *Krisis dan konflik institusi keluarga* (pp.13). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ibrahim Lembut. 2013. Wawancara berita al-hijrah pada 26 Mac 2013jam 8:00 malam.
- Intan Mas Ayu Shahimi. 2017. *Memasak boleh cepat, mudah di rumah*. Mymetro. www.hmetro.com.my 17 Mei 2017.
- Ishak Saat & Nazarudin Zainun. 2011. *Wanita dan perjuangan*. Johor: Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jamaluddin Muhammad Mahmud 1992. *Usul al-mujtama’ al-islami*. Al- Kaherah: Dar al-Kutub al-Misr.
- Jami’ah Sokri. 2019. Bijak kawal emosi, urus tekanan elak akibat buruk. BHonline 22 Ogos 2019.

- Janet Wolf. 2010. Book Reviews: N. Gilbert *A mother's work: how feminism, the market, and policy shape family life*. New Haven. CT: Yale University Press.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom. 2007. *Pendidikan dan pembangunan keluarga cemerlang*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kaulah Abdul Latief Al-Atiqi. 1999. *Wanita islam hari ini kerja dan Fungsinya*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Khadijah Alavi & Rahim M. Sail. 2010. Peranan wanita melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Jurnal Kajian Malaysia* 28 (2) 71–105
- Locke, Lawrence F., Silverman, Stephen J. & Waneen Wyrick Spirduso. 2010. *Reading and understanding research*. 3th edition. Los Angeles:SAGE.
- M. Dawam Rahardjo. 2002. *Ensiklopedia al-quran tafsir sosial berdasarkan konsep-konsep kunci*. Jakarta Selatan: PARAMADINA.
- Mohamad Muhammin Mohamad Zaki. 2019. *Jaga solat untuk Kesejahteraan keluarga*. Mymetro www.hmetro.com.my 10 Oktober2019.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka bentuk tinjauan soal selidik Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hamid al-Nasir dan Khaulah Abdul Qadir Darwisyi. 1994. *Tarbiyatul al-atfal fi rihabil islam fi al-baiti wa al-raudhah*. Jeddah:Maktabah al-Sawadi li al-Tauzi'.
- Mok Soon Sang. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan, perancangan dan pelaksanaan penyelidikan Tindakan*. Selangor:Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nabilah Abdullah & Wan Zulkifli Wan Hassan. 2010. Nafkah isteri bekerja: satu tinjauan di daerah Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Fiqh* (7)h. 83-106
- Nadia Ismail. 2011. *Wanita melayu kedah dan pemilikan tanah tahun 1881-1940*. Dalam Wanita dan Pejuangan. Johor: Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Naemah Hamzah. 2015. *Aplikasi amalan fiqh sains rumah tangga dan kerjaya dalam kalangan akademik wanita cemerlang*. Tesis Doktor Falsafah. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Aqilah Ramizu & A'dawiyah Ismail. 2021. Pengamalan kerohanianwanita bekerja dalam menghadapi cabaran mengurus kerjaya dan rumah tangga. *International Journal of Islamic & Humanities Research (QALAM)* 19 Ogos 2021 p.1-13.
- Ng, Thomas W.H, & Feldman, Daniel C. 2012. The effects of organizational and community embeddedness on work-to-family and family-to-work conflict. *Journal of Applied Psychology* 97(6) 1233–1251.
- Nooh Gadut. 2006. *Pandangan islam terhadap pencapaian Wanita*. Dalam Siti Fatimah Abdul Rahman. Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam. Selangor: MPH Group Publishing Sdn.Bhd.
- Noor Rahmah Hj. Abu Bakar. 2012. Wanita bekerja dan pengurusan keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(7) 155-162.GEOGRAFIA Online.
- Parmjit Singh, Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu. 2006. *A comprehensive guide to writing a research proposal*. United Kingdom: Venton Publishing.
- Pittenger, D. J. 2003. *Behavioral research design and analysis*. Boston Burr Ridge: McGraw-

- Hill Higher Education.
- Richard Holmes, Hazadiah Mohammad & Habibah Ashari. 2005. *A guide to research in the sosial sciences*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Rohaiza Abd. Rokis. 2011. Islam and modernity: a case of muslim female engineers in Malaysia. *Journal of Islam in Asia*. Special Issue(2) p.403-419.
- Salvana di Gregorio, Judith Davidson. 2008. *Qualitative research design for software users*. England: Mc Graw Hill Open University Press.
- Sayyid Sabiq. 1990. *Fiqh al- sunnah*. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Seon Mi Kim. 2012. Evaluations of women-centered U.S. microenterprise development programs. *Affilia: Journal of Women and Social Work* 27(1) p.71-83.
- Siti Halimah Putung & Dg Hafizah Ag Basi. 2017. Penglibatan suami dalam kerja-kerja rumah tangga: kajian kes di sabah. *Jurnal Fiqh* No.14 (2017) h.1-26.
- Siti Zalikhah Md. Nor & Zaleha Kamaruddin. 2010. *Keluarga syurga, wanita dan undang-undang*. Kuala Lumpur: Blue-T Publications Sdn.Bhd.
- Sohair Abdel Moneim Sery. 1995. Wanita bekerja dan cabarannya. *Al- Maw'izah Jurnal Pengajian Islam* Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (3) 103-104.
- Syamsul al-Haq al-Azim Abadi, Abi Tayyib Muhammad, Ibnu Qayyim al- Jauziyyah, Syamsuddin al-Hafiz. 1995. *Aunu al-ma'bud sharh sunan abu daud*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Uwe Flick, Ernst Von Kardorff & Ines Steinke. 2004. *A companion to qualitative research*. London: SAGE Publications.
- Welman, Kauger, Mitchell. 2005. *Research methodology*. 3rd Edition. Southern Africa: Oxford University Press.
- Zainab al-Ghazali. 2004. *Nasihat untuk wanita*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Zeenath Kausar. 2002. *Woman's empowerment and islam: the UN beijing document platform for action*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.